



No. Rujukan : KUIM/KEW/PINJ/TAPEM/2021

Tarikh : 30 Ogos 2021
21 Muharam 1443H

Assalamualaikum wr.wb / Salam Sejahtera

TAJUK	PERMOHONAN BANTUAN <i>ONE-OFF</i> RM1,000 BAGI ANAK MELAKA/ PEMASTAUTIN TETAP (MENGIKUT SYARAT YANG DITETAPKAN)
KEPADA	Semua Mahasiswa/ Mahasiswi Semester 1 (Anak Melaka) yang berkelayakan
DARIPADA	Penolong Pendaftar Kanan (Pejabat Bendahari)
SALINAN KEPADA	Pengarah Pemasaran & Pengurusan Korporat (menjalankan tugas Naib Canselor) Timb. Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi Pendaftar Bendahari Pemangku Timb. Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni Pengarah Hal Ehwal Akademik Semua Dekan Fakulti (FKSK/FSS/FKI/FIPT/FPH/FUG/FBP) Unit IT – mohon paparkan di laman web rasmi KUIM Pembantu Tadbir Fakulti – mohon sebar maklumat kepada pelajar Pemangku Presiden MPP

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas,

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan bagi Bantuan *One-Off* RM1,000 bagi anak Melaka telah dibuka dan permohonan tersebut boleh dibuat secara atas talian (*online*) di laman sesawang TAPEM, <https://tapemonline.melaka.gov.my/>.
3. Sehubungan itu, mahasiswa/i semester 1 (Anak Melaka) yang layak boleh membuat permohonan mulai hari ini (**30/08/2021**). Borang yang telah dilengkapkan secara atas talian (*online*) perlulah dicetak seterusnya menandatangani perakuan di **Bahagian C**: Perakuan Pengesahan Perkhidmatan Oleh Majikan (**sekiranya berkaitan**) manakala bagi mahasiswa/i yang ibubapa atau penjaga tidak bekerja atau bekerja sendiri, perlu mendapatkan pengesahan pendapatan dari Pengerusi JAPERUN/ Ketua Kampung/ Penghulu/ Sidang serta melampirkan bersama borang permohonan, **Bahagian D** : Pengakuan Pemohon perlu ditandatangani oleh **pelajar** dan Pengesahan **Bahagian E** akan dibuat oleh **pegawai KUIM** gred 41 ke atas.
4. Borang yang telah lengkap perlulah dilampirkan bersama salinan dokumen seperti yang dinyatakan dalam borang tersebut dan dipos ke alamat berikut :

Pejabat Bendahari,
Kolej Universiti Islam Melaka,
Batu 28, Kuala Sungai Baru,
78200 Melaka
(u.p : Puan Zalinah binti Ramli)


5. Adalah diingatkan bahawa permohonan hanya boleh dibuat bagi kemasukan **kali pertama** untuk setiap satu tahap pengajian. Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh **enam bulan** dari tarikh pendaftaran di KUIM. Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan Bantuan (One-Off) RM 1,000 boleh diajukan kepada **En. Roslan bin Abu Samah** dari **Bahagian Bantuan IPT, TAPEM : 013 6478506**

Perhatian dan tindakan daripada siswa/i didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”
“WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZALINAH BINTI HAJI RAMLI)